



Siaran

AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100-2/1/2 JLD 3 () 01/11

BULAN SUKAN NEGARA 2019 PERINGKAT KEMENTERIAN PERTAHANAN

Kuala Lumpur - Acara kemuncak sambutan Bulan Sukan Negara 2019 Peringkat Kementerian Pertahanan telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali bertempat di Padang Kawad Kem KEMANTAH, Kementerian Pertahanan. Objektif Bulan Sukan Negara yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan adalah untuk membudayakan masyarakat Malaysia yang sentiasa cergas dan sihat dengan menjadikan aktiviti senaman sebagai rutin riadah harian telah disokong sepenuhnya oleh Kementerian Pertahanan.

Kementerian Pertahanan melalui program ini telah mengadakan pelbagai aktiviti sepanjang bulan Oktober yang disertai oleh semua warga Kementerian Pertahanan dan agensi-agensi serta bahagian di bawah naungannya termasuk ahli keluarga. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah KAKEP Amazing Race Challenge 2019, Kejohanan Boling Piala KSU Kementerian Pertahanan, Zumba Hey Hey dan e-Sukan manakala untuk aktiviti yang dijalankan pada hari ini ialah senamrobik, *Fun Walk* dan *Fun Run*.

Pihak KAKEP dan PUSPANITA Kementerian Pertahanan juga telah mengambil inisiatif bagi memeriahkan lagi program dengan aktiviti sukaneka kanak-kanak dan cabutan bertuah bersama warga Kementerian Pertahanan. Program turut diserikan lagi dengan kehadiran atlet-atlet ATM yang terlibat dengan Sukan Komanwel 2018 dan Sukan SEA 2017. Lebih daripada 1000 orang warga Kementerian Pertahanan yang terlibat untuk menjayakan program ini.

Konsep Bulan Sukan Negara yang dijalankan ini adalah berlandaskan Prinsip 3M (Menarik, Mudah dan Murah). Program dan aktiviti yang dijalankan merangkumi semua jenis dan kecergasan yang melibatkan pergerakan fizikal termasuk pertandingan, pertunjukan, riadah, sesi mencuba dan juga program berbentuk pengetahuan seperti bengkel, seminar dan lain-lain yang berkaitan.

Tetamu kehormat yang turut hadir ialah Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi, Panglima Tentera Darat, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany, Panglima Tentera Laut, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM, Panglima Tentera Udara, Leftenan Jeneral Datuk Kamarulzaman bin Mohd Othman TUDM, Ketua Staf Markas ATM, Dr Karminder Singh Dhillon, Timbalan KSU (Pengurusan) dan Puan Mastura binti Ahmad Mustafa, Timbalan KSU (Pembangunan).